

**KEBERKESANAN MODUL PEMBELAJARAN
SEJARAH ABAD KE-21 (NEO-21CL)
TERHADAP PENGUASAAN PENGETAHUAN
DAN ELEMEN KEWARGANEGARAAN
DALAM KALANGAN MURID TAHUN 5
DI MUKIM SUNGAI BULOH,
SELANGOR**

NURSILA BINTI ABDUL

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025

KEBERKESANAN MODUL PEMBELAJARAN SEJARAH ABAD KE-21 (NEO-21CL) TERHADAP PENGUASAAN PENGETAHUAN DAN ELEMEN KEWARGANEGARAAN DALAM KALANGAN MURID TAHUN 5 DI MUKIM SUNGAI BULOH, SELANGOR

NURSILA BINTI ABDUL

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (MOD PENYELIDIKAN)

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2025

UPS/IPS-3/BO 32
Pind : 00 m/s: 1/1

Sila tanda (v)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

<input checked="" type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>


INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada9.....(hari bulan).....9.....(bulan) 20.....25

i. Perakuan pelajar :

Saya, NURSILA BINTI ABDUL, M20221001093, FAKULTI SAINS KEMANUSIAN (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk KEBERKESANAN MODUL PEMBELAJARAN SEJARAH KE-21 (NEO-21CL) TERHADAP PENGUSAHAAN PENGETAHUAN DAN ELEMEN KEWARGANEGARAAN DALAM KALANGAN MURID TAHUN 5 DI MUKIM SUNGAI BULOH, SELANGOR adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya



Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, SHAKILA CHE DAHALAN (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk TAJUK KEBERKESANAN MODUL PEMBELAJARAN SEJARAH ABAD KE-21 (NEO-21CL) TERHADAP PENGUSAHAAN PENGETAHUAN DAN ELEMEN KEWARGANEGARAAN DALAM KALANGAN MURID TAHUN 5 DI MUKIM SUNGAI BULOH, SELANGOR (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN SEJARAH) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

19/09/2025

Tarikh


DR SHAKILA BINTI CHE DAHALAN
Tandatangan Penyelia
Jabatan Sejarah
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim, Perak Darul Ridzuan



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: KEBERKESANAN MODUL PEMBELAJARAN SEJARAH ABAD KE-21 (NEO-21CL) TERHADAP PENGUASAAN PENGETAHUAN DAN FLEKSI KEMAMPUAN DALAM KALANGAN MURID TAHUN 5 DI MUKIM SUNGAI BULOH, SELANGOR

No. Matrik / Matric's No.: M20221001093

Saya / I: NURSILA BINTI ABDUL
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-


SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS


(Tandatangan Pelajar/ Signature)


(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)
NURSHILA BINTI CHE DAHLAN
Fakulti Sains Kemasyarakatan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35006 Tanjung Malim, Perak Darul Ridzuan

Tarikh: 19/09/2025

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadirat Ilahi Allah s.w.t, Tuhan yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang. Kehadirat-Nya, tesis ini dapat diselesaikan dengan penuh kesabaran dan petunjuk dari-Nya. Terima kasih atas limpah kurnia-Nya sepanjang perjalanan menyiapkan tesis ini. Penyelia saya, Dr. Shakila bt Che Dahalan, adalah sosok yang sangat berdedikasi dan penuh komitmen. Terima kasih atas panduan, sokongan, dan nasihat yang berharga sepanjang penyelidikan ini. Beliau telah memberikan inspirasi dan bimbingan yang sangat diperlukan. Penghargaan ini juga khasnya kepada ibu bapa saya, Abdul bin Sabaddin dan Fatimah binti Ussin, serta keluarga tersayang, terima kasih atas sokongan moral, nasihat, dan kasih sayang yang tak terhingga. Kejayaan ini adalah hasil dari doa dan dorongan yang diberikan oleh mereka. Begitu juga atas penghargaan setinggi-tinggi kepada pihak Universiti Pendidikan Sultan Idtis (UPSI) atas penajaan pengajian sarjana sepanjang empat semester. Tanpa sokongan kewangan dari UPSI, pencapaian ini mungkin tidak dapat terwujud. Tidak lupa kepada semua pihak yang turut terlibat, baik secara langsung maupun tidak langsung, dalam menjayakan tesis ini. Terima kasih kepada semua yang telah memberikan sumbangan dan sokongan, serta berikan motivasi yang diperlukan. Akhir kata, ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat. Semoga usaha dan hasil dari tesis ini dapat memberikan manfaat dan sumbangan yang berkekalan dalam bidang pendidikan sejarah.

ABSTRAK

Kajian ini berbentuk kuasi eksperimen bagi mengenal pasti keberkesanan Modul Pembelajaran Sejarah Abad ke-21 (Neo-21CL) terhadap penguasaan pengetahuan dan elemen kewarganegaraan dalam kalangan murid Tahun 5 di Mukim, Sungai Buloh. Modul Pembelajaran Sejarah Abad ke-21 (Neo-21CL) ini adalah diadaptasi daripada Kerangka Pendekatan Neoterik yang menekankan pendekatan kontekstual dan holistik. Seramai 84 sampel di Sungai Buloh, Selangor yang terbahagi kepada dua kumpulan iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan yang dijadikan sebagai sampel kajian dalam tempoh 14 minggu. Pengumpulan data menggunakan soalan ujian, soal selidik dan temu bual. Analisis kajian yang digunakan ialah analisis deskriptif melibatkan nilai min dan sisihan piawai, manakala analisis inferensi melibatkan ujian-t, ujian kolerasi pearson dan akhir sekali analisis deskriptif bagi protokol temu bual. Data-data analisis diskriptif dan inferensi diproses menggunakan perisian *Statistical Packages Social Science* (SPSS) versi 29. Dapatan kajian menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam kumpulan rawatan bagi skor pengetahuan sejarah daripada min 12.55 kepada 28.61, berbanding kumpulan kawalan 12.77 kepada 20.31. Bagi elemen kewarganegaraan, kumpulan rawatan mencatat peningkatan min dari 3.14 kepada 4.63, manakala kumpulan kawalan menurun daripada 3.82 kepada 3.77. Ujian korelasi Pearson menunjukkan hubungan yang signifikan terhadap kedua-dua kontrak yang dikaji ($r = 0.402$, $p=0.008$). Namun, tiada perbezaan bagi kontrak pengetahuan dan elemen kewarganegaraan berdasarkan jantina lelaki dan perempuan. Temu bual guru pula menunjukkan persefahaman yang positif terhadap keberkesanan modul dalam meningkatkan pengetahuan dan elemen kewarganegaraan. Secara keseluruhan, kajian ini mendapati bahawa pendekatan pengajaran berteraskan Kerangka Pendekatan Neoterik berupaya meningkatkan pengetahuan dan penghayatan elemen kewarganegaraan, seterusnya menyumbang kepada pembentukan murid yang seimbang dalam konteks pendidikan sejarah. Implikasi kajian ini berpotensi menjadi rujukan kepada pendidik dan penyelidik dalam merangka kurikulum yang kontekstual, holistik dan bersifat futuristik bagi memenuhi keperluan pendidikan sejarah secara menyeluruh.

**THE EFFECTIVENESS OF THE NEO-21CL HISTORY LEARNING
MODULE IN ENHANCING KNOWLEDGE AND ELEMENT
OF CITIZENSHIP AMONG YEAR 5 STUDENTS
AT MUKIM, SUNGAI BULOH,
SELANGOR**

ABSTRACT

This study is a quasi-experimental design aimed at identifying the effectiveness of the Neo-21CL History Learning Module in improving knowledge acquisition and citizenship elements among Year 5 students in Mukim, Sungai Buloh. The Neo-21CL History Learning Module is adapted from the Neoteric Approach Framework, which emphasizes a contextual and holistic approach. A total of 84 participants from Sungai Buloh, Selangor, were divided into two groups: the control group and the treatment group, who served as the study sample for a period of 14 weeks. Data collection methods included test questions, questionnaires, and interviews. Descriptive analysis was used for calculating the mean and standard deviation, while inferential analysis involved the t-test, Pearson correlation test, and descriptive analysis for interview protocols. Data from both descriptive and inferential analyses were processed using the Statistical Packages for the Social Sciences (SPSS) version 29 software. The findings revealed significant improvements in the treatment group's historical knowledge scores, from a mean of 12.55 to 28.61, compared to the control group, which improved from 12.77 to 20.31. For citizenship elements, the treatment group showed an increase in the mean from 3.14 to 4.63, while the control group decreased from 3.82 to 3.77. Pearson's correlation test showed a significant relationship between both constructs studied ($r = 0.402$, $p = 0.008$). However, there were no significant differences in knowledge and citizenship elements based on gender. Teacher interviews revealed a positive understanding of the module's effectiveness in enhancing knowledge and citizenship elements. Overall, this study found that the teaching approach based on the Neoteric Approach Framework is capable of enhancing knowledge and the appreciation of citizenship elements, thereby contributing to the development of balanced students in the context of history education. The implications of this study have the potential to serve as a reference for educators and researchers in designing a curriculum that is contextual, holistic, and futuristic to meet the comprehensive needs of history education.

KANDUNGAN

	Muka Surat
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.2.1 Modul Pembelajaran Sejarah Abad ke-21 (Neo-21CL)	11
1.3 Permasalahan Kajian	13
1.4 Tujuan Kajian	16
1.5 Objektif Kajian	17
1.6 Soalan Kajian	17
1.7 Hipotesis Kajian	18
1.8 Kerangka Konseptual Kajian	19
1.9 Definisi Operasional Kajian	22

1.9.1	Keberkesanan Modul	22
1.9.2	Modul Pembelajaran Sejarah Abad ke-21 (Neo-21CL)	23
1.9.3	Pembelajaran Abad ke-21	24
1.9.4	Pengetahuan Sejarah	25
1.9.5	Elemen Kewarganegaraan	26
1.9.6	Kaedah Pembelajaran Lazim	27
1.9.7	Kumpulan Kawalan	28
1.9.8	Kumpulan Rawatan	28
1.10	Batasan Kajian	29
1.11	Kepentingan Kajian	30
1.11.1	Kepentingan kepada Murid	31
1.11.2	Kepentingan kepada Guru	31
1.11.3	Kepentingan kepada Pihak Sekolah	32
1.11.4	Kepentingan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	33
1.11.5	Kepentingan kepada Universiti dan Kajian Akademik	33
1.12	Rumusan	34

BAB 2 TINJAUAN KAJIAN LEPAS

2.1	Pengenalan	35
2.2	Latar Belakang Pendidikan Sejarah di Malaysia	36
2.3	Perkembangan Pendidikan Sejarah	40
2.3.1	Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Sejarah)	42
2.4	Pembelajaran Abad ke-21	47
2.4.1	Kemahiran Komunikasi dan Kolaborasi	50
2.4.2	Kemahiran Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah	51

2.4.3	Kemahiran Kreativiti dan Inovasi	52
2.4.4	Kemahiran Maklumat Digital	54
2.5	Teori Konstruktivisme	56
2.6	Keberkesanan Modul	63
2.7	Modul-Modul Pembelajaran dalam Pendidikan Sejarah	65
2.8	Kajian Lepas Berkaitan Konsep Pendekatan Neoterik	72
2.9	Kajian Berkaitan Pembelajaran dan Pengajaran Sejarah Abad ke-21	81
2.10	Kajian Berkaitan Pengetahuan Sejarah dan Elemen Kewarganegaraan	117
2.10.1	Pengetahuan Sejarah	117
2.10.2	Elemen Kewarganegaraan	125
2.11	Rumusan	141

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	143
3.2	Reka Bentuk Kajian	144
3.2.1	Proses Pelaksanaan Modul Pembelajaran Abad ke-21 (Neo-21CL)	149
3.3	Sampel Kajian	155
3.3.1	Populasi	155
3.3.2	Kaedah Persampelan	155
3.3.3	Bilangan Sampel	157
3.4	Pemilihan Lokasi Kajian	158
3.5	Instrumen Kajian	163
3.5.1	Instrumen Ujian Pengetahuan Sejarah	163
3.5.2	Instrumen Soal Selidik	165

3.5.2.1	Pembinaan Instrumen Soal Selidik	166
3.5.3	Pengendalian Ujian dan Soal Selidik	167
3.5.4	Instrumen Temu Bual	168
3.5.5	Kesahan dalam Soal Selidik	169
3.6	Kesahan Kajian	170
3.6.1	Kesahan Dalaman	171
3.6.2	Kesahan Muka	174
3.6.3	Kesahan Kandungan	175
3.7	Kajian Rintis	175
3.8	Kebolehpercayaan Instrumen	177
3.8.1	Kebolehpercayaan Ujian Pengetahuan Sejarah	178
3.8.2	Kebolehpercayaan Elemen Kewarganegaraan	181
3.9	Kaedah Pengumpulan Data	182
3.9.1	Prosedur Kajian	182
3.9.2	Latihan kepada Guru	183
3.9.3	Pelaksanaan Kajian	183
3.9.4	Pengumpulan Data Menggunakan Instrumen Temu Bual	184
3.10	Tatacara Penganalisan Data	186
3.10.1	Statistik Deskriptif	187
3.10.2	Analisis Inferensi	188
3.10.2.1	Ujian-t	189
3.10.3	Korelasi Pearson	189
3.10.4	Analisis Data Temu Bual	190
3.11	Rumusan	192

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	193
4.2	Profil Responden Kajian	194
4.3	Tahap Pengetahuan Sejarah dan Elemen Kewarganegaraan	195
4.4	Hubungan Signifikan antara Pengetahuan Sejarah dengan Elemen Kewarganegaraan	200
4.5	Perbezaan Pengetahuan dan Elemen Kewarganegaraan Bagi Kumpulan Rawatan (Ujian Pos Berdasarkan Jantina)	210
4.6	Persepsi Guru terhadap Keberkesanan Modul Pembelajaran Sejarah Abad ke-21 (Neo-21CL) Terhadap Penguasaan Pengetahuan Dan Elemen Kewarganegaraan Murid Tahun 5	212
4.6.1	Pandangan Awal	212
4.6.2	Kelebihan dan Cabaran Penggunaan Pembelajaran Sejarah Abad ke-21 (Neo-21CL)	213
4.6.3	Implikasi atau Penambahbaikan Pembelajaran Sejarah Abad ke-21 (Neo-21CL) Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Sejarah	214
4.6.4	Harapan dalam Pengajaran Sejarah Melalui Penggunaan Modul Pembelajaran Sejarah Abad ke-21 (Neo-21CL)	215
4.6.5	Elemen Kewarganegaraan	216
4.7	Rumusan	217

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	218
5.2	Ringkasan Kajian	219
5.3	Perbincangan dan Kesimpulan Kajian	222
5.3.1	Tahap Pengetahuan Sejarah dalam Kalangan Murid Murid Tahun 5 bagi Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	222
5.3.2	Tahap Elemen Kewarganegaraan dalam Kalangan Murid Murid Tahun 5 bagi Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	229

5.3.3	Hubungan Signifikan antara Pengetahuan Sejarah dengan Elemen Kewarganegaraan di Kalangan Murid Tahun 5 dalam Kumpulan Rawatan	234
5.3.4	Perbezaan Pengetahuan Dan Elemen Kewarganegaraan Dalam Kalangan Murid Bagi Kumpulan Rawatan Bagi Ujian Pos Berdasarkan Jantina	239
5.3.5	Perbincangan Dapatan Temu Bual	244
5.3.5.1	Keberkesanan Modul terhadap Penguasaan Pengetahuan	244
5.3.5.2	Pengaruh Pembelajaran Sejarah Abad ke-21 (Neo-21CL) terhadap Elemen Kewarganegaraan Murid Tahun 5	249
5.4	Rumusan	253
5.5	Implikasi Kajian	254
5.5.1	Implikasi kepada Murid	255
5.5.2	Implikasi kepada Guru	256
5.5.3	Implikasi kepada Sekolah dan Bilik Darjah	257
5.5.4	Implikasi kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	258
5.5.5	Implikasi kepada Penyelidikan Pendidikan Sejarah Sekolah Rendah	259
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	260
5.7	Kesimpulan	262
	RUJUKAN	265

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Ciri-ciri Pembelajaran Konstruktivisme	61
3.1	Ringkasan Pelaksanaan Modul Pembelajaran Sejarah Abad ke-21 (Neo-21CL)	151
3.2	Soalan Ujian Sejarah Mengikut Taksonomi Bloom	164
3.3	Penentuan Instrumen	166
3.4	Persetujuan Skala Likert Lima Mata bagi Aspek Elemen Kewarganegaraan	166
3.5	Langkah-langkah dalam Penentuan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	178
3.6	Interpretasi Indeks Kesukaran Soalan Ujian Pengetahuan Sejarah	179
3.7	Skala Interpretasi Indeks Diskriminasi Soalan Ujian Pengetahuan Sejarah	179
3.8	Hasil Analisis Item Ujian Pengetahuan Sejarah	180
3.9	Hasil Analisis Kebolehpercayaan Ujian Rintis Elemen Kewarganegaraan	181
3.10	Skala Skor Min (Peratus)	188
3.11	Interpretasi Nilai Pekali Korelasi	189
4.1	Profil Demografi Responden Kajian	194
4.2	Tahap Pengetahuan Kandungan Sejarah	196
4.3	Ujian-t Tak Bersandar (Pengetahuan Sejarah)	201
4.4	Skor Min dan Sisihan Piawai Elemen Kewarganegaraan (Kumpulan Kawalan) dalam Ujian Pra dan Pos	202
4.5	Skor Min dan Sisihan Piawai Elemen Kewarganegaraan (Kumpulan Rawatan) dalam Ujian Pra dan Pos	204

4.6	Ujian-t Tak Bersandar (Elemen Kewarganegaraan)	207
4.7	Ujian Korelasi Pearson	208
4.8	Ujian-t Tak Bersandar	210

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	16 Domain Kemenjadian Murid	12
1.2	Kerangka Konseptual Kajian	19
2.1	Komponen Kurikulum Sejarah	43
3.1	Reka Bentuk Kuasi-Eksperimen	145
3.2	Proses Pensampelan	156
3.3	Ciri-ciri Tempat Kajian yang Baik	159
3.4	Senarai Jumlah Sekolah PPD Kuala Selangor	160
3.5	Senarai Jumlah Sekolah di Mukim Sungai Buloh	161
3.6	Peta Lokasi Mukim Sungai Buloh, Selangor	162
3.7	Langkah-langkah Melaksanakan Kajian Rintis	176
3.8	Langkah-langkah Analisis Statistik	187
3.9	Proses Aliran Data	192

SENARAI SINGKATAN

4D	Four-D Model
4K	Kreativiti, Kerjasama, Komunikasi dan Pemikiran Kritis
5M	Membaca, Mendengar, Menulis, Menaakul dan Menganalisis
ABM	Alat Bantu Mengajar
ADDIE	Analysis, Design, Development, Implementation, Evaluation
ANATES	Item and Test Analysis Software
AR	Augmented Reality
BBM	Bahan Bantu Mengajar
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Penilaian
DVD	Digital Versatile Disc
GZG	Global Zakat Game
H0	Hipotesis Nol
HOTS	Higher Order Thinking Skills
IBL	Inquiry-Based Learning
ICSS	International Conference on Social Science
ICT	Information and Communication Technology
ISO	Piawaian Antarabangsa
JERI	Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelektual
JSU	Jadual Spesifikasi Ujian
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KBSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah

KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPN	Kerangka Pendekatan Neoterik
KSK	Kesedaran Sosial dan Kebudayaan
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
NEO	Noeterik
PAK-21	Pendidikan Abad ke-21
PBD	Pentaksiran Bilik Darjah
PBL	Problem-Based Learning
PBPD	Pembelajaran Berasaskan Permainan Digital
PdPc	Pelaksanaan Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SK	Standard Kandungan
SP	Standard Pembelajaran
SP	Standard Prestasi
SPSS	Statistical Package for the Social Sciences
SRL	Pembelajaran Kendiri
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
UNESCO	United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
VLE	Virtual Learning Environm



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan



Pendidikan sejarah memainkan peranan yang penting dalam membentuk pemahaman murid mengenai pengetahuan dan kewarganegaraan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Menurut R.G. Collingwood, tujuan asas memahami sejarah adalah untuk mendapatkan pengetahuan diri manusia iaitu sebagai manusia seharusnya mengetahui akan diri kita dan mengetahui keupayaan diri kita sendiri (Collingwood, 1967; Bhat & S. Kandasamy, 2023). Dengan memahami sejarah, murid tidak hanya belajar tentang peristiwa masa lalu tetapi juga memperoleh wawasan yang mendalam mengenai pembentukan dan perkembangan masyarakat serta negara mereka.

Lester D. Stephens berpandangan melalui sejarah dapat mewujudkan



semangat kekitaan dan tanpa sejarah kita tidak akan tahu siapa diri kita sama ada secara individu atau kumpulan (Vaughn, 1985; Leutzsch, 2019). Walaupun sejarah adalah berkaitan dengan segala perkara yang sudah berlaku dan berlalu tetapi dari segi pengajarannya, pengetahuan sejarah yang dibincangkan serta dipelajari perlu dikaitkan dengan pelbagai perkembangan masa kini dan masa hadapan (Abd Rahim Abd Rashid, 1999; Nur Syazwani Abdul Talib, Kamarulzaman Abdul Ghani, Nur Azuki Yusuff, 2019).

Sejarah juga perlu menjadi suatu pengetahuan yang bersifat futuristik iaitu untuk membentuk individu dan masyarakat yang tahu dan menghargai sejarah dan bangsa dan negara. Hal ini membolehkan mereka memahami konteks dan latar belakang keputusan dan tindakan yang mempengaruhi kehidupan mereka hari ini.

Pengetahuan sejarah memberi murid kefahaman tentang peristiwa-peristiwa bersejarah, tokoh-tokoh penting dan perubahan sosial yang telah membentuk negara dan masyarakat termasuk pembelajaran mengenai pencapaian, cabaran dan konflik yang telah dihadapi oleh generasi terdahulu. Melalui proses ini, murid turut belajar tentang kepentingan nilai-nilai seperti perpaduan, keadilan dan tanggungjawab yang merupakan asas penting dalam membina masyarakat yang harmoni dan maju (Fru & Liphoto, 2021).

Manakala, kewarganegaraan dalam konteks pendidikan sejarah, berkait rapat dengan cara murid memahami peranan dalam masyarakat. Begitu juga dapat menamakan rasa kebanggaan terhadap warisan dan perjuangan masa lampau yang memberi iktibar malahan menjadi dorongan kepada perjuangan akan datang.

Pendidikan sejarah selain daripada memfokuskan kepada fakta sejarah, bahkan juga dengan memperlihatkan kesan sejarah terhadap pembentukan etika dan sikap warganegara (Thorp & Persson, 2020; Mahira Mayadi, Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad & Anuar Ahmad, 2019). Dengan memahami sejarah, murid dapat mengaitkan pengalaman sejarah dengan tanggungjawab mereka sebagai warganegara yang aktif dan berkomitmen. Hal ini demikian menjadikan murid dapat memahami hak dan fungsi mereka dalam masyarakat serta menghargai usaha-usaha yang dilakukan oleh generasi terdahulu untuk membina negara dan masyarakat yang lebih baik.

Sehubungan itu, pendekatan inovatif dalam pendidikan sejarah abad ke-21 seperti penggunaan teknologi digital dan pembelajaran berasaskan projek membolehkan murid meneroka sejarah dengan cara yang lebih mendalam dan relevan (Guan & Anuar Ahmad, 2024). Teknologi digital membolehkan mereka mengakses sumber sejarah yang pelbagai dan berinteraksi dengan maklumat secara lebih aktif. Pembelajaran berasaskan projek dan penyelesaian masalah membantu murid untuk mengaplikasi pengetahuan sejarah dalam konteks sebenar yang menguatkan pemahaman mereka tentang kewarganegaraan.

Melalui pendekatan-pendekatan ini, pendidikan sejarah juga mampu mengembangkan pengetahuan murid, serta membina kesedaran mereka tentang peranan dan tanggungjawab mereka sebagai warganegara untuk memastikan murid boleh memahami sejarah sekaligus mereka boleh menyumbang kepada masyarakat dengan cara yang bermakna (Nor Alniza Azman, 2019). Dengan ilmu sejarah, murid lebih cenderung untuk menghargai kepentingan perpaduan, keadilan dan

tanggungjawab sosial yang merupakan nilai-nilai asas dalam kewarganegaraan yang baik (Jaya Murugan Chandran, Abd Razak Zakaria & Zaharah Hussin, 2021). Secara keseluruhan, pengajaran sejarah yang berfokuskan kepada pengetahuan dan kewarganegaraan membantu membentuk generasi yang bukan sahaja berpengetahuan tentang masa lalu namun juga bersedia untuk menghadapi masa depan dengan kesedaran dan komitmen yang tinggi. Pendekatan inovatif dalam pendidikan sejarah memastikan bahawa murid memperoleh kemahiran yang diperlukan untuk menjadi warganegara yang aktif, kritis dan bertanggungjawab.

1.2 Latar Belakang

Pendidikan sekolah rendah adalah asas untuk pembangunan diri dan tempat murid bermain, melakukan aktiviti, mencari pengalaman dan berinteraksi. Pendidikan sekolah rendah bermula pada usia tujuh tahun dan berlangsung sehingga enam Tahun yang juga dikenali sebagai standard 1 hingga 6. Sekolah rendah dibahagikan kepada dua peringkat iaitu tahun 1 hingga 3 diklasifikasikan sebagai tahap satu sementara Tahun 4 hingga 6 dikelaskan sebagai tahap 2 (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2019).

Sistem pendidikan sentiasa mengalami perubahan dari semasa ke semasa. Dapat dilihat pada tahun 1983 Kurikulum Baru sekolah Rendah (KBSR) telah diperkenalkan dan kemudian pada Tahun 2014, Kurikulum Baru diganti kepada Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019).

KSSR diperkenalkan sebagai satu usaha untuk menyusun semula dan membuat penambahbaikan di dalam kurikulum sekolah rendah. Perubahan dalam arus globalisasi sudah pasti akan mendorong Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk mengemaskini atau menambahbaik kurikulum pendidikan pada peringkat sekolah rendah. Maka, KSSR diperkenalkan adalah untuk memastikan kurikulum yang sedia ada dapat dipertingkatkan dengan lebih baik supaya murid-murid dapat dibekalkan dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai yang relevan untuk memenuhi keperluan semasa.

Pada dasarnya, matlamat dan perubahan semula kurikulum yang dilaksanakan adalah sebagai usaha untuk memperkasakan pendidikan kebangsaan dan bersesuaian dengan kehendak masyarakat serta keperluan negara. Perubahan ini juga selari dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi melahirkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual (JERI) berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Pendidikan dan penerapan nilai saling berkait antara satu sama lain dan tidak dapat dipisahkan kerana ilmu tanpa amalan tidak akan bermakna. (Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid, 2010).

Pendidikan sejarah di Malaysia merupakan komponen asas yang penting dalam sistem pendidikan negara, terutamanya dalam membentuk asas pengetahuan murid mengenai sejarah negara, identiti bangsa dan nilai-nilai kewarganegaraan yang menjadi teras kepada jati diri nasional. Dengan mengkaji sejarah, murid diberi peluang untuk memahami cara masyarakat berkembang dari satu zaman ke satu zaman, mengenali tokoh-tokoh penting dan menghargai peristiwa yang membentuk negara.

Di peringkat sekolah rendah, pendidikan sejarah berperanan sebagai landasan untuk memperkukuh pengetahuan serta sebagai instrument penting dalam memupuk tanggungjawab dan kesedaran sivik sebagai warganegara (Nurul Faizah Yusran & Andi Dewi Riang Tati, 2024). Sejarah dalam konteks ini mampu menyemai nilai-nilai seperti patriotisme, toleransi dan kecintaan terhadap tanah air dalam jiwa murid, yang seterusnya memperkukuhkan semangat perpaduan dalam masyarakat berbilang kaum. Namun, cabaran utama yang dihadapi ialah memastikan pengetahuan sejarah ini benar-benar dihayati dan diaplikasikan dalam kehidupan seharian bukan sekadar hafalan fakta semata-mata.

Pengetahuan sejarah adalah asas utama dalam pembelajaran sejarah yang berfungsi sebagai jendela untuk murid memahami hubungan antara peristiwa-peristiwa yang berlaku dan impaknya terhadap dunia masa kini (Gómez-Carrasco et al., 2022) Melalui pengetahuan ini, murid diperkenalkan kepada kefahaman mendalam mengenai tokoh, peristiwa dan tema utama dalam sejarah negara, serta peranan semua ini membentuk perkembangan sosio-politik Malaysia.

Hal ini penting bagi membina asas kefahaman yang kuat supaya generasi datang tidak hanya memahami sejarah tetapi juga mampu mengaplikasikannya dalam bentuk amalan nilai kewarganegaraan yang sebenar. Justeru itu, pendidikan sejarah perlu memberikan penekanan kepada aspek-aspek yang melangkaui fakta dan tarikh, termasuk pemahaman tentang sebab dan akibat peristiwa sejarah serta peristiwa yang berlaku boleh membentuk identiti, sikap dan tingkah laku sebagai warganegara yang beretika.

Elemen kewarganegaraan pula adalah satu komponen penting dalam pendidikan sejarah yang merangkumi nilai-nilai dan prinsip yang membimbing individu dalam menjalankan tanggungjawab mereka sebagai warganegara yang aktif dan dedikasi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Dalam situasi pendidikan sejarah, elemen kewarganegaraan ini perlu diterapkan untuk menggalakkan murid memahami peranan mereka dalam masyarakat (Gibson, Milligan & Peck, 2022).

Asas pembentukan kewarganegaraan menekankan kepada aspek-aspek patriotisme seperti kesetiaan kepada negara, menunjukkan sikap dan nilai hidup sejajar dengan keperibadian kebangsaan negara ini, seterusnya, mendaulatkan lambang-lambang negara umpama penggunaan bahasa kebangsaan, lagu kebangsaan, menghormati pemimpin negara, menjaga nama baik negara, sedia berbakti juga mempertahankan kedaulatan negara.

Penerapan elemen kewarganegaraan melalui mata pelajaran sejarah merupakan usaha penting dalam membentuk rakyat Malaysia yang mempunyai jati diri, patriotik, dan berkeperibadian kukuh. Elemen ini dilaksanakan secara menyeluruh dan berpadukan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang memberi tumpuan kepada pemahaman sejarah, tanggungjawab serta peranan sebagai warganegara. Objektif utamanya adalah untuk membantu murid menghormati kepelbagaian agama, kaum dan budaya di samping mengambil pengajaran daripada sejarah negara.

Terdapat tujuh dimensi kewarganegaraan yang diiringi dengan ciri-ciri dan kriteria tertentu. Dimensi pertama ialah perkongsian sejarah, yang menekankan pengetahuan serta kefahaman sejarah pembentukan negara. Melalui ini, murid dapat berbangga dengan sejarah asal-usul negara dan mengambil ibrah daripada peristiwa lampau. Dimensi kedua, perkongsian nilai iaitu menggalakkan murid mengamalkan sikap berhemah, menyayangi prinsip Rukun Negara serta menghormati kepelbagaian agama dan budaya.

Perasaan kekitaan ialah dimensi ketiga yang membentuk sikap perpaduan, juga kebersamaan melalui semangat amalan kepelbagaian budaya, kaum dan agama. Seterusnya, perkongsian masa hadapan membentuk keyakinan dan tanggungjawab dalam memastikan negara terus berjaya pada masa hadapan. Hal ini merangkumi kepentingan menghormati masyarakat majmuk dan mengekalkan keharmonian negara.

Selain itu, dimensi kelima adalah kesetiaan yang menerangkan tentang memupuk sifat taat dan patuh kepada negara serta institusi beraja. Termasuklah mematuhi undang-undang dan peraturan negara. Dimensi keenam pula tanggungjawab warganegara, yang menekankan kefahaman identiti dan peranan seseorang warganegara melalui pemeliharaan perpaduan kaum dan negara.

Manakala, dimensi terakhir, keterikatan emosi kepada negara, mencerminkan perasaan cinta mendalam terhadap negara melalui penghargaan terhadap warisan, identiti negara serta pengiktirafan kemajuan ekonomi bahkan sosial.

Keseluruhan aspek ini bertujuan untuk melahirkan generasi warganegara Malaysia yang patriotik, pada masa yang sama menghargai sejarah dan mampu menyumbang ke arah keharmonian serta pembangunan negara secara progresif di era globalisasi.

Justeru itu, elemen ini penting yang seharusnya disepadukan dalam pengajaran sejarah untuk membentuk generasi yang beretika, komitmen sekaligus mampu menyumbang kepada masyarakat. Dalam buku teks Sejarah di sekolah rendah, nilai-nilai kewarganegaraan diterapkan melalui pelbagai topik, yang bertujuan untuk mengajar murid agar menghormati simbol-simbol kebangsaan dan memahami kepentingannya dalam mengekalkan perpaduan dan keharmonian dalam kalangan rakyat Malaysia.

Di samping itu, Kurikulum Sejarah Tahun Lima yang digubal oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2019) memainkan peranan penting dalam membentuk pemahaman dan kesedaran sejarah dalam kalangan murid. Kurikulum ini mengandungi empat tema khusus: Warisan Negara Kita, Perjuangan Kemerdekaan Negara, Yang di-Pertuan Agong dan Identiti Negara Kita. Tema Warisan Negara Kita menumpukan kepada aspek warisan negara, termasuk institusi raja, agama Islam dan bahasa Melayu yang merupakan tonggak identiti nasional.

Tema Perjuangan Kemerdekaan Negara pula memberi penekanan kepada kemerdekaan bagi tanah air. Melalui tema ini, murid disasarkan dapat mengenal pasti tokoh dan peristiwa penting dalam sejarah kemerdekaan negara serta menghayati semangat perjuangan bangsa. Manakala tema Yang di-Pertuan Agong

memberi pendedahan mengenai institusi ketua negara yang memainkan peranan penting dalam struktur pemerintahan Malaysia sebagai sebuah negara Raja Berperlembagaan.

Murid diperkenalkan kepada peranan dan tanggungjawab Yang di-Pertuan Agong serta bidang kuasa baginda yang perlu dihormati. Untuk tema Identiti Negara kita memperkenalkan simbol-simbol kebangsaan seperti jata negara, bendera kebangsaan, lagu kebangsaan dan bunga kebangsaan yang penting untuk mengukuhkan semangat patriotik dan kebanggaan nasional dalam kalangan murid.

Seiring dengan ledakan pengetahuan yang berlaku dalam era teknologi maklumat memberi kesan penting menuntut perubahan-perubahan baru, maka pendidikan sejarah di Malaysia juga perlu melalui anjakan paradigma untuk memenuhi keperluan pembelajaran abad ke-21 dengan memberi keutamaan kepada beberapa kemahiran seperti pemikiran kritis, komunikasi, kolaborasi dan kreativiti.

Dalam era pendidikan abad ke-21, keupayaan murid menganalisis dan menilai peristiwa sejarah secara kritis menjadi lebih penting daripada sekadar menghafal fakta dan tarikh. Pembelajaran yang interaktif seperti simulasi, permainan dan aktiviti berkumpulan dapat meningkatkan penglibatan murid serta mengaitkan sejarah dengan kehidupan mereka. Tambahan pula, penggunaan teknologi dan alat digital dalam pengajaran sejarah dapat menjadikan proses pembelajaran lebih menarik, dinamik dan relevan dengan konteks semasa.

1.2.1 Modul Pembelajaran Sejarah Abad ke-21 (Neo-21CL)

Perkataan “Neo” merujuk kepada kata nama Noeterik. Neoterik adalah istilah yang digunakan untuk menggambarkan pendekatan yang baharu atau inovatif dalam pendidikan, terutamanya dalam mengadaptasi kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih relevan dengan perkembangan semasa (Neoteric Education Intiatives Center, 2022).

Dalam konteks ini, Modul Pembelajaran Sejarah Abad ke-21 (Neo-21CL) yang digunakan bertujuan mengisi jurang yang wujud dalam pendekatan tradisional dengan memberi tumpuan khusus kepada elemen pengetahuan sejarah dan elemen kewarganegaraan. Modul ini menggunakan pendekatan Neoterik yang menekankan kemahiran pembelajaran abad ke-21 untuk menjadikan pendidikan sejarah lebih holistik dan bermakna. Dengan modul ini, murid tidak hanya mempelajari fakta sejarah tetapi juga menerapkan nilai-nilai kewarganegaraan melalui pengalaman pembelajaran yang bersifat *hands-on* dan kontekstual.


Modul ini telah disusun secara sistematik ke dalam enam tema utama, iaitu individu, keluarga, sekolah, masyarakat, negara dan dunia. Setiap tema direka untuk membina kefahaman murid berperingkat, bermula dari aspek diri mereka sendiri sebelum melangkah ke konteks yang lebih luas, iaitu negara dan dunia. Pendekatan ini memastikan murid memahamai sejarah dalam konteks yang lebih menyeluruh dan bermakna. Misalnya, melalui tema individu, murid didedahkan kepada nilai-nilai peribadi seperti tanggungjawab.

Tema keluarga pula menekankan kepada kerjasama antara keluarga. Tema sekolah pula, murid diberi peluang memahami peranan pendidikan dalam pembentukan identiti bangsa. Manakala tema masyarakat, negara dan dunia meluaskan perspektif mereka terhadap isu-isu global serta kesedaran terhadap peranan mereka sebagai warganegara dunia.

Tambahan pula, modul ini turut merangkumi 16 domain kemenjadian murid yang diselaraskan dengan aspirasi pendidikan abad ke-21 bagi membangunkan murid secara holistik. Melalui penerapan tema dan domain ini, Modul Pembelajaran Sejarah Abad ke-21 (Neo-21CL) tidak sekadar memperoleh pengetahuan sejarah, tetapi di sisi lain turut membangunkan kemahiran, nilai, kompetensi yang relevan dengan keperluan abad ke-21 sekaligus melahirkan individu yang berilmu, berwawasan dan beretika tinggi. Berikut ialah gambar rajah yang memaparkan 16 domain kemenjadian murid.

Rajah 1.1

16 Domain Kemenjadian Murid



Diadaptasi dari *Neoteric Education Initiatives Center, 2022*

Rajah 1.1 menunjukkan 16 Domain Kementrian Murid yang menjadi asas dalam pembentukan murid secara holistik yang turut diterapkan dalam Modul Pembelajaran Sejarah Abad ke-21 (Neo-21CL) Setiap domain ini merangkumi aspek literasi, nilai, kemahiran insaniah dan kompetensi abad ke-21 yang diperlukan oleh murid bagi menghadapi cabaran masa depan.

Antara domain utama termasuklah kefahaman sejarah, pemikiran kritis, kemahiran berkomunikasi, pemupukan identiti nasional, kesedaran sivik dan elemen kewarganegaraan, yang kesemuanya menyumbang kepada pembinaan insan yang seimbang dari segi intelek, emosi, sosial dan rohani.

Dalam konteks modul ini, domain-domain tersebut tidak hanya diperkenalkan secara teori, malah diintegrasikan secara langsung dalam tema, aktiviti dan pendekatan modul. Pelaksanaan ini membolehkan penguasaan pengetahuan dan kemahiran berlaku secara bersepadu dan bermakna, selari dengan tuntutan pendidikan abad ke-21 serta keperluan pembelajaran sepanjang hayat.

1.3 Permasalahan Kajian

Penguasaan pengetahuan sejarah dan pelaksanaan nilai kewarganegaraan dalam kalangan murid sekolah rendah merupakan tunjang penting dalam membina asas pembelajaran sepanjang hayat yang mampu membentuk jati diri, kefahaman terhadap warisan negara, serta tanggungjawab sosial sebagai warganegara. Dalam konteks pendidikan sejarah sekolah rendah, matlamatnya adalah untuk memastikan

murid bukan sahaja memahami fakta sejarah tetapi juga menghayati nilai-nilai terkandung dalam peristiwa sejarah.

Namun begitu, kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa murid sering menghadapi kesukaran untuk memahami kandungan sejarah secara mendalam, yang seterusnya mempengaruhi sikap mereka terhadap mata pelajaran ini (Muhammad Ikram Abu Hassan, 2021; Sharifah Zarina Syed Zakaria et al., 2021).

Kajian daripada Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif (2022) dan Rosmawati Mohamed, Christina Yip dan Shikha Singh (2023), mendapati bahawa kaedah pengajaran tradisional seperti penghafalan fakta dan kurangnya aktiviti interaktif menyebabkan murid kurang berminat dengan mata pelajaran Sejarah. Selain itu, elemen kewarganegaraan yang sepatutnya diterapkan melalui pengajaran Sejarah kurang berjaya diterapkan, mengakibatkan murid kurang memahami peranan mereka sebagai warganegara (Nur Atiqah Tang Abdullah & Anuar Ahmad, 2019; Teshima & Kumaraguru 2022).

Sebagai satu inisiatif inovatif, Modul Pembelajaran Sejarah Abad ke-21 (Neo-21CL) diperkenalkan untuk mengatasi cabaran ini. Modul ini menekankan pendekatan holistik dengan enam tema utama, iaitu individu, keluarga, sekolah, masyarakat, negara dan dunia. Tema-tema ini dirancang untuk menyokong perkembangan menyeluruh murid, selari dengan keperluan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR).

Modul ini turut mengandungi 16 domain kemenjadian murid. Pendekatan holistik ini menekankan pembelajaran berpusatkan murid, berasaskan pengalaman dan sejajar dengan aspirasi pendidikan abad ke-21 yang berteraskan Teori Konstruktivisme. Walaupun Modul Pembelajaran Sejarah Abad ke-21 (Neo-21CL) direka dengan elemen-elemen interaktif dan kandungan yang relevan dengan kehidupan murid, namun keberkesanannya dalam meningkatkan penguasaan pengetahuan sejarah dan elemen kewarganegaraan murid masih belum dinilai secara empirikal.

Persoalan juga timbul sama ada integrasi elemen kemenjadian murid dalam modul ini mampu mengembangkan pengetahuan sejarah, di samping meningkatkan kefahaman mereka terhadap peranan sebagai warganegara yang bertanggungjawab. Dalam pada itu, turut mempertimbangkan perbezaan berdasarkan jantina untuk menilai sama ada pendekatan ini memberi kesan yang berbeza kepada murid lelaki dan perempuan dalam aspek pengetahuan sejarah dan penerapan nilai kewarganegaraan.

Dengan berlandaskan isu tersebut, terdapat keperluan untuk meneroka pendekatan pengajaran Sejarah yang lebih interaktif dan berpaksikan murid bagi meningkatkan keberkesanan penyampaian isi kandungan sejarah serta penerapan nilai kewarganegaraan. Pendekatan sedemikian diyakini mampu memperkukuhkan penguasaan murid sekaligus menyemai rasa tanggungjawab dan jati diri sebagai warganegara yang beretika dan berdaya saing dalam menghadapi cabaran abad ke-21.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menguji keberkesanan Modul Pembelajaran Sejarah Abad ke-21 (Neo-21CL) terhadap penguasaan pengetahuan dan elemen kewarganegaraan dalam kalangan murid-murid Tahun 5. Kajian ini juga bertujuan untuk menganalisis hubungan antara pengetahuan dan elemen kewarganegaraan dalam kumpulan rawatan yang menggunakan modul tersebut.

Seterusnya, kajian ini untuk mengenal pasti perbezaan konstruk-konstruk tersebut berdasarkan faktor jantina. Selain itu, dalam kajian yang dijalankan turut menilai persepsi guru yang terlibat dalam mengendalikan Modul Pembelajaran Sejarah Abad ke-21 (Neo-21CL) dalam meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran, khususnya dalam aspek pengukuhan pengetahuan sejarah dan elemen kewarganegaraan murid.

Penyelidikan ini merangkumi kajian terhadap perubahan pengetahuan dan elemen kewarganegaraan murid sebelum dan selepas penggunaan modul, serta cabaran dan kelebihan yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan modul tersebut di dalam kelas. Secara keseluruhannya, kajian ini bertujuan untuk memberi sumbangan kepada kefahaman tentang impak penggunaan pendekatan Neoterik dalam pendidikan sejarah dan kewarganegaraan di peringkat sekolah rendah.

1.5 Objektif Kajian

Terdapat beberapa objektif yang ingin dicapai

1. Mengenalpasti tahap pengetahuan sejarah dan elemen kewarganegaraan dalam kalangan murid-murid Tahun 5 yang bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan selepas ujian pra dan pos.
2. Mengenalpasti hubungan yang signifikan antara pengetahuan sejarah dengan elemen kewarganegaraan dalam kalangan murid-murid Tahun 5 dalam kumpulan rawatan.
3. Menganalisis perbezaan pengetahuan dan elemen kewarganegaraan dalam kalangan murid dalam kumpulan rawatan bagi ujian pos berdasarkan jantina
4. Menilai persepsi guru terhadap keberkesanan Modul Pembelajaran Sejarah Abad ke-21 (Neo-21CL) terhadap guru yang mengajar.

1.6 Soalan Kajian

Berikut adalah soalan kajian yang dibina bagi menjawab objektif yang disediakan:

1. Adakah tahap pengetahuan sejarah dan elemen kewarganegaraan dalam kalangan murid-murid Tahun 5 bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan selepas ujian pra dan pos?
2. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan sejarah dengan elemen kewarganegaraan dalam kalangan murid-murid Tahun 5 dalam kumpulan rawatan dan kawalan?
3. Adakah terdapat perbezaan pengetahuan dan elemen kewarganegaraan

dalam kalangan murid bagi rawatan bagi ujian pos berdasarkan jantina.

4. Apakah persepsi guru terhadap keberkesanan Modul Pembelajaran

Sejarah Abad ke-21 (Neo-21CL) terhadap guru yang mengajar.

1.7 Hipotesis Kajian


Ho1 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan sejarah dengan elemen kewarganegaraan di kalangan murid-murid Tahun 5 dalam kumpulan rawatan.

Ho2 Tiada terdapat perbezaan pengetahuan dan elemen kewarganegaraan dalam kalangan murid bagi kumpulan rawatan bagi ujian pos berdasarkan jantina.

1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Rajah 1.2

Kerangka Konsep Kajian



Diadaptasi daripada Neoteric Initiative Education Centre UPSI, (2022);
Kementerian Pendidikan Malaysia (2018)

Berdasarkan rajah 1.2 iaitu kerangka konseptual kajian ini menggunakan reka bentuk kuasi eksperimen yang melibatkan dua kumpulan utama, iaitu kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Kumpulan kawalan mengikuti kaedah pembelajaran lazim, manakala kumpulan rawatan menggunakan Modul Pembelajaran Sejarah Abad ke-21 (Neo-21CL) yang dibangunkan berdasarkan Kerangka Pendekatan Neoterik (*Neoteric Initiative Education Centre* UPSI, 2022). Kajian ini bertujuan untuk menguji keberkesanan modul tersebut terhadap pengetahuan sejarah dan elemen kewarganegaraan dalam kalangan murid Tahun 5 sekolah rendah.

Modul Pembelajaran Sejarah Abad ke-21 (Neo-21CL)) ini berpaksikan kepada Teori Konstruktivisme yang menekankan pembinaan pengetahuan secara aktif oleh murid melalui pengalaman langsung. Modul ini menggabungkan empat elemen utama yang saling berkait untuk mencapai objektif kajian. Elemen pertama ialah modul ini mengandungi enam Tema Kluster Peradaban Manusia iaitu individu, keluarga, sekolah, masyarakat dan negara. Tema-tema ini disusun secara sistematik dalam topik-topik pembelajaran bagi memastikan murid dapat memahami setiap konsep dengan lebih terperinci dan berstruktur, sekaligus menghubungkan dengan konteks kehidupan sebenar.

Selain itu, elemen kedua ialah 16 Domain Kemenjadian Murid yang terbahagi tiga aspek utama iaitu pengetahuan asas, kemandirian murid dan kualiti pendekatan (*Neoteric Initiative Education Centre* UPSI, 2022). Hal ini bertujuan untuk menyokong perkembangan holistik murid dalam aspek akademik, sikap dan kemahiran sosial. Seterusnya, Kompetensi Teras ialah nilai, kemahiran dan

pengetahuan asas yang diukur dalam mata pelajaran sejarah. Fokus ini penting bagi membentuk kefahaman sejarah yang mendalam serta menyemai sikap tanggungjawab dan nilai kewarganegaraan.

Aspek terakhir Pedagogi Berpusatkan Murid bermaksud murid tersebut memainkan peranan penting dan bergiat aktif dalam pembelajaran yang dijalankan di dalam bilik darjah.

Dalam konteks ini, pengetahuan sejarah menguji pemahaman murid terhadap peristiwa, tokoh dan perkembangan sejarah yang membentuk negara. Melalui kandungan Kurikulum Sejarah Tahun 5 seperti yang dinyatakan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Kementerian Pendidikan Malaysia (2018). Kandungan ini meliputi topik seperti Warisan Negara Kita, Perjuangan Kemerdekaan Negara, Yang di Pertuan-Agong dan Identiti Negara Kita yang bertujuan memperkukuhkan pengetahuan sejarah murid serta menyemai semangat kewarganegaraan.

Dari aspek kewarganegaraan, melibatkan kefahaman murid terhadap nilai moral, kesedaran sosial dan tanggungjawab sebagai warganegara. Nilai moral diterapkan melalui etika menyanyikan lagu kebangsaan, menghormati simbol negara seperti bendera serta memahami kepentingan institusi Yang di-Pertuan Agong.

Kesedaran sosial pula, mengandungi kefahaman tentang cabaran penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, peranan lagu

kebangsaan dalam membentuk jati diri dan nilai-nilai keagamaan ke arah masyarakat harmoni. Tanggungjawab sebagai warganegara turut dipupuk melalui kefahaman tentang sistem pemerintahan beraja dan etika penggunaan simbol negara dalam kehidupan seharian.

Kajian ini turut mempertimbangkan perbezaan jantina (lelaki dan perempuan) bagi mengenal pasti perbezaan keberkesanan modul terhadap kedua-dua kumpulan tersebut. Dengan ini membolehkan kajian memberi gambaran lebih komprehensif tentang proses pendekatan pembelajaran ini memberi kesan kepada perkembangan murid dari perspektif yang berbeza.

1.9 Definisi Operasional Kajian

1.9.1 Keberkesanan Modul

Keberkesanan merujuk kepada kemampuan sesuatu produk atau modul yang untuk mencapai matlamat atau objektif yang ditetapkan dengan cara yang efisien dan memuaskan (R. Lewis, 2021). Keberkesanan ini melibatkan aspek seperti kemudahan memahami kandungan, keberhasilan dalam mencapai hasil dan pengalaman positif pengguna semasa menggunakannya. Keberkesanan juga menilai keupayaan sesuatu produk untuk memenuhi keperluan pengguna.

Dalam konteks kajian ini, keberkesanan merujuk sejauh mana Modul Pembelajaran Sejarah Abad ke-21 (Neo-21CL) yang dibangunkan dapat diterima,

dilaksanakan dan memberi impak positif dalam konteks bilik darjah sebenar. Keberkesanan tidak hanya melibatkan aspek penerimaan guru sebagai pelaksana modul, tetapi juga kesesuaian dan keberhasilannya dalam meningkatkan penguasaan murid terhadap sejarah dan kewarganegaraan. Hal ini termasuklah keupayaan kandungan modul sesuai dengan tahap kognitif murid Tahun 5. Pada masa yang sama, mengkaji keupayaan murid beradaptasi dengan pendekatan Neoterik yang lebih interaktif dan berpusatkan murid dalam mencapai objektif kajian.

Pada masa yang sama, keberkesanan merangkumi faktor-faktor seperti keupayaan Modul Pembelajaran Sejarah Abad ke-21 (Neo-21CL) untuk dilaksanakan dalam tempoh masa pengajaran yang ditetapkan dan kesediaan guru serta murid untuk menggunakan pendekatan yang terkandung dalam modul tersebut. Penilaian keberkesanan ini penting untuk menentukan tahap kemampuan modul ini dapat diadaptasi secara pratikal dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah rendah.

1.9.2 Modul Pembelajaran Sejarah Abad ke-21 (Neo-21CL)

Modul Pembelajaran Sejarah Abad ke-21 (Neo-21CL) adalah pengalaman pembelajaran dan rancangan pendidikan yang sistematik dibangunkan berdasarkan kurikulum kebangsaan yang lebih interaktif dan dinamik meliputi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang selaras dengan norma budaya dan masyarakat tempatan dan global (Kama Shaffeei, Anis Nazihah Mat, Mohd Hanif Mohammad & Zuniza Mohamed Hanapiah, 2022). Suatu pendekatan yang baharu yang digunakan untuk

melaksanakan kajian ini merangkumi beberapa aspek iaitu yang pertama 16 Domain Kemenjadian Murid, Penjajaran Konstruktif, Kompetensi Teras, Penilaian Bilik Darjah Berbantuan Teknologi dan Pedagogi Berpusatkan Pelajar.

Modul Pembelajaran Sejarah Abad ke-21 (Neo-21CL) digunakan sebagai instrumen bagi menguji keberkesannya dalam memperkukuhkan pengetahuan sejarah dan menyemai semangat kewarganegaraan murid. Modul ini disesuaikan dengan kurikulum sejarah Tahun 5 dan diterapkan secara sistematik untuk menilai impaknya terhadap pencapaian murid melalui pendekatan pembelajaran yang inovatif.

1.9.3 Pembelajaran Abad ke-21

Pembelajaran abad ke-21 merujuk kepada pendekatan pendidikan yang menekankan kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan etika yang berteraskan amalan nilai murni (Ng Lee, Hazura Abdul Rahim & Zubaidah Salamat, 2020). Pendekatan ini mengutamakan pembangunan kemahiran berfikir, kolaborasi, kreativiti, komunikasi dan literasi digital, sejajar dengan keperluan global yang semakin kompetitif. Dalam konteks kajian ini, pembelajaran abad ke-21 diaplikasikan melalui Modul Pembelajaran Sejarah Abad ke-21 (Neo-21CL) yang bertujuan meningkatkan penguasaan pengetahuan sejarah dan elemen kewarganegaraan dalam kalangan murid sekolah rendah Tahun 5.

Modul ini menyepadukan elemen-elemen utama pembelajaran abad ke-21, termasuk penggunaan teknologi, aktiviti pembelajaran interaktif dan pendekatan berpusatkan murid. Melalui modul ini, murid didedahkan kepada aktiviti pembelajaran yang menyokong pemikiran kritis. Modul ini juga memupuk kemahiran kolaborasi melalui aktiviti berkumpulan yang membolehkan murid berinteraksi, bertukar pandangan dan bekerja secara bersama-sama dalam menyelesaikan tugas yang berkaitan dengan sejarah dan kewarganegaraan.

Selain itu, pembelajaran abad ke-21 dalam kajian ini turut menekankan literasi digital dengan menggalakkan murid menggunakan alat teknologi seperti aplikasi pembelajaran, bahan interaktif dan sumber dalam talian untuk menambah pengetahuan mereka. Pendekatan ini bertujuan untuk meningkatkan tahap keterlibatan murid. Begitu juga menjadikan pembelajaran lebih menarik dan signifikan dengan dunia mereka yang semakin dipengaruhi teknologi.

1.9.4 Pengetahuan Sejarah

Pengetahuan sejarah merujuk kepada pemahaman yang mendalam tentang peristiwa- peristiwa yang berlaku dalam sejarah negara kita yang dipelajari secara kronologi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Pengetahuan sejarah bertujuan memberi penghayatan sejarah mengenai perkembangan peristiwa, perubahan dan pencapaian yang bertindak membentuk identiti serta jati diri warganegara Malaysia (Simon & Diele, 2022).

Dalam konteks kajian ini, pengetahuan sejarah adalah merujuk kepada pengetahuan sejarah berdasarkan kandungan sejarah Tahun 5 yang berkaitan dengan warisan negara kita, perjuangan kemerdekaan negara, Yang di-Pertuan Agong dan identiti negara. Berdasarkan kandungan sejarah tersebut memberi pengetahuan kepada murid untuk memahami peristiwa sejarah dan kesan peristiwa masa lalu kepada dunia hari ini.

1.9.5 Elemen Kewarganegaraan

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang mengklasifikasikan kewarganegaraan sebagai penerapan nilai-nilai sivik yang bertujuan membentuk individu dengan jati diri, patriotisme serta kesedaran terhadap hak, tanggungjawab dan peranan mereka dalam masyarakat (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019).

Dalam konteks ini, Modul Pembelajaran Sejarah Abad ke-21 (Neo-21CL) memberi penekanan khusus kepada elemen kewarganegaraan yang merangkumi tahap kefahaman, penghayatan dan amalan murid terhadap nilai-nilai kewarganegaraan.

Hal ini merujuk tiga aspek utama iaitu nilai moral, kesedaran sosial dan tanggungjawab sebagai warganegara. Nilai moral melibatkan penghormatan terhadap lagu kebangsaan, simbol negara serta kefahaman tentang peranan Yang di-Pertuan Agong. Aspek kesedaran sosial pula meliputi kepentingan bahasa Melayu, peranan lagu kebangsaan dalam identiti nasional dan nilai keagamaan dalam

keharmonian masyarakat. Sementara itu, tanggungjawab sebagai warganegara melibatkan kefahaman tentang sistem pemerintahan beraja, etika penggunaan simbol negara serta kesedaran untuk menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat.

1.9.6 Kaedah Pembelajaran Lazim

Dalam konteks kajian ini, murid-murid dalam kumpulan kawalan menerima kaedah pembelajaran secara lazim. Dalam pembelajaran secara lazim guru menggunakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran secara lazim. Kaedah pembelajaran yang dijalankan di dalam kelas adalah mengikut pilihan guru tersebut.

Guru juga dibekalkan dengan rancangan pengajaran yang sama. Begitu juga, dalam kaedah pembelajaran lazim murid bertumpu kepada mendengar penjelasan, tafsiran dan huraian oleh guru, melakukan hafalan, mengingat serta melakukan latih tubi.

Dalam pembelajaran secara lazim kebiasaannya dimulakan dengan guru menyampaikan kandungan dihadapan kelas. Dalam aktiviti pembelajaran pula murid belajar secara individu di dalam kelas dengan menyelesaikan soal latihan yang diberikan ataupun bentuk-bentuk aktiviti lain seperti tugas yang diberikan oleh guru dalam menyelesaikan masalah yang diberi. Selepas murid mempelajari topik yang dipelajari, murid diberikan latihan berbentuk kuiz atau ujian untuk mengukur tingkat penguasaan murid terhadap topik yang baru sahaja dipelajari.

Diakhir proses pembelajaran secara lazim, guru memberikan penilaian markah yang diperoleh murid bagi setiap individu.

1.9.7 Kumpulan Kawalan

Kumpulan kawalan adalah kumpulan yang tidak menerima apa-apa kesan kepada proses kajian yang dijalankan (Nelson, 2017). Dalam kajian ini, kumpulan kawalan menggunakan kaedah pembelajaran lazim yang dilaksanakan oleh guru di dalam kelas.

Fungsi utama kumpulan kawalan adalah sebagai rujukan untuk membandingkan kesan intervensi pada kumpulan eskperimen dan membantu penyelidik menentukan kebolegunaan modul yang diuji. Hal ini membolehkan penyelidik memastikan bahawa perbezaan hasil pembelajaran yang diperoleh ialah kesan langsung daripada penggunaan modul dalam kumpulan rawatan dan bukan disebabkan oleh faktor luaran lain.

1.9.8 Kumpulan Rawatan

Kumpulan rawatan adalah kumpulan yang menerima intervensi yang diuji, bertujuan untuk menilai kesan rawatan tersebut ke atas peserta (Lubich & Jeske, 2024). Sebagai contohnya, dalam ujian ubat baru, kumpulan rawatan adalah mereka yang menerima ubat tersebut. Kumpulan ini penting untuk menentukan kesan rawatan terhadap keadaan perserta (Moser, 2019).

Dalam konteks kajian ini, kumpulan rawatan akan menggunakan Modul Pembelajaran Sejarah Abad ke-21 (Neo-21CL). Kumpulan rawatan berfungsi sebagai elemen utama dalam menilai keberkesanan modul yang diuji. Penilaian dilakukan melalui ujian pra dan pos untuk melihat peningkatkan pencapaian murid sebelum dan selepas penggunaan modul. Keberkesanan Modul Pembelajaran Sejarah Abad ke-21 (Neo-21CL) dalam kumpulan rawatan akan dibandingkan dengan hasil kumpulan kawalan untuk menentukan sejauh mana modul ini memberikan impak positif terhadap penguasaan pengetahuan dan elemen kewarganegaraan.

1.10 Batasan Kajian

Dalam kajian ini, beberapa batasan telah dikenalpasti bagi memastikan pelaksanaan kajian dijalankan secara sistematik dan mencapai objektif yang ditetapkan. Pertama, kajian ini hanya memfokuskan kepada keberkesanan Modul Pembelajaran Sejarah Abad ke-21 (Neo-21CL) terhadap dua aspek utama, iaitu pengetahuan sejarah dan elemen kewarganegaraan murid Tahun 5. Walaupun modul ini turut merangkumi pelbagai elemen lain seperti kemahiran insaniah, pemikiran sejarah, nilai kerjasama, kemahiran teknologi dan literasi global yang berasaskan 16 domain kemenjadian murid, aspek-aspek ini tidak dikaji secara eksplisit dalam penyelidikan ini.

Kedua, kajian ini hanya melibatkan murid Tahun 5 daripada dua buah sekolah rendah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang terletak di Mukim Sungai Buloh, Selangor.

Pemilihan ini berdasarkan aksesibiliti dan kelulusan yang diperoleh daripada pihak berwajib dan hasil dapatan tidak boleh digeneralisasikan kepada semua murid sekolah rendah di Malaysia. Ketiga, reka bentuk kajian adalah kuasi-eksperimen yang melibatkan kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Kumpulan kawalan mengikuti kaedah pembelajaran lazim manakala kumpulan kumpulan rawatan menggunakan Modul Pembelajaran Sejarah Abad ke-21 (Neo-21CL).

Keempat, instrumen kajian hanya terdiri daripada ujian pra dan pos untuk mengukur pengetahuan sejarah serta soal selidik bagi menilai elemen kewarganegaraan. Kaedah temu bual pula hanya dilaksanakan kepada guru kumpulan rawatan. Kajian tidak melibatkan pihak pentadbir, ibu bapa atau murid sebagai informan, meskipun pandangan mereka berpotensi memperkayakan data secara triangulasi.

Secara keseluruhan, penetapan batasan kajian ini penting bagi memastikan fokus penyelidikan tidak tersasar, khususnya dalam menilai keberkesanan Modul Pembelajaran Sejarah Abad ke-21 (Neo-21CL) terhadap pengetahuan sejarah dan kewarganegaraan murid Tahun 5.

1.11 Kepentingan Kajian

Modul Pembelajaran Sejarah Abad ke-21 (Neo-21CL) merupakan satu modul yang sesuai digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah dalam melahirkan murid yang kalis masa depan. Hasil kajian ini memberi kepentingan kepada murid,

guru sejarah, pihak sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Universiti.

1.11.1 Kepentingan kepada Murid

Kajian ini memberi manfaat besar kepada murid dengan memperkenalkan kaedah pembelajaran yang lebih menyeronokkan, interaktif dan aktif. Melalui Modul Pembelajaran Sejarah Abad ke-21 (Neo-21CL), murid dapat meningkatkan pengetahuan mereka terhadap sejarah dan kewarganegaraan yang sering dianggap membosankan. Pendekatan yang digunakan dalam modul ini memberi fokus kepada penguasaan murid dalam aspek pengetahuan sejarah dan nilai kewarganegaraan.

Selain itu, modul ini juga dirancang untuk meningkatkan berfikir sejarah iaitu murid dilatih untuk berfikir secara kritis dan kreatif. Aktiviti pembelajaran yang dirangka memberi peluang kepada murid untuk membangunkan kebolehan serta keyakinan diri mereka, sekaligus menyokong pembelajaran yang lebih holistik dan menyeluruh.

1.11.2 Kepentingan kepada Guru

Kajian ini penting dalam membantu guru merangka pengajaran yang lebih efektif, terperinci dan selaras dengan keperluan pendidikan abad ke-21. Modul yang dibangunkan boleh dijadikan panduan kepada guru dalam merancang proses pengajaran, melaksanakan aktiviti pembelajaran, serta menilai keberkesanan pengajaran

mereka. Begitu juga, kajian ini turut menyokong usaha transformasi pengajaran sejarah daripada kaedah konvensional kepada pendekatan yang lebih inovatif, pada yang sama sesuai dengan perkembangan teknologi dan perubahan keperluan murid pada masa kini. Melalui dapatan kajian ini, guru dapat memperbaiki strategi mereka agar lebih kreatif dan berkesan dalam menyampaikan pengajaran sejarah serta elemen kewarganegaraan.

1.11.3 Kepentingan kepada Pihak Sekolah

Kajian ini turut memberi manfaat kepada pihak sekolah dalam usaha memperkukuhkan pembangunan profesional guru. Dapatan kajian ini boleh digunakan untuk merangka pelbagai program seperti bengkel, seminar, dan latihan bagi memastikan guru sentiasa bersedia dengan kaedah pengajaran terkini. Dengan itu, pihak sekolah dapat meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran sejarah, yang bukan hanya lebih berkualiti tetapi juga lebih relevan dengan keperluan masa kini. Kajian ini juga menyokong usaha pihak sekolah dalam melahirkan guru-guru yang berketerampilan tinggi, berdaya saing, serta mampu mendidik murid secara holistik ke arah merealisasikan matlamat pendidikan negara.

1.11.4 Kepentingan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Kajian ini memberi sumbangan besar kepada KPM dalam memperkasakan pendidikan sejarah dan kewarganegaraan di sekolah rendah. Modul Pembelajaran

Sejarah Abad ke-21 (Neo-21CL) yang dibangunkan boleh dijadikan rujukan untuk menghasilkan bahan pengajaran yang inovatif, sistematik dan selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Dapatan kajian ini membantu menilai keberkesanan pendekatan yang sedia ada dan menyokong penerapan nilai kewarganegaraan secara menyeluruh prinsip Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan. Seterusnya, hasil kajian ini dapat digunakan untuk memperkukuhkan pembangunan profesional guru melalui kaedah Modul Pembelajaran Sejarah Abad ke-21 (Neo-21CL) pengajaran yang lebih seronok dan interaktif. Hal ini selaras dengan usaha KPM untuk melahirkan murid yang tidak hanya cemerlang akademik, malah juga memiliki jati diri, nilai patriotik dan tanggungjawab sosial yang tinggi. Pada masa yang sama, menyumbang kepada perancangan dasar pendidikan yang strategi untuk mempertingkatkan kualiti pembelajaran sejarah dan kewarganegaraan secara holistik dan berkesan.

1.11.5 Kepentingan kepada Universiti dan Kajian Akademik

Kajian ini sekali memberi sumbangan kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dalam melaksanakan program Neoterik di sekolah rendah. Hasil kajian ini boleh menjadi rujukan dan panduan untuk memperluaskan program ini, sekaligus meningkatkan keberkesanannya dalam sistem pendidikan. Di peringkat universiti, dapatan kajian ini dapat membantu pengembangan ilmu dan memberi input berguna kepada program latihan guru unruk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran sejarah.

Di samping itu, dapatan ini boleh dikongsi dalam pelbagai platform akademik untuk menyokong pembangunan pendidikan sejarah yang lebih komprehensif dan inovatif. Secara keseluruhan, kajian ini menawarkan dimensi baharu dalam pengajaran sejarah di peringkat sekolah rendah. Pendekatan yang dirangka dalam modul ini memberi penekanan kepada elemen kewarganegaraan yang sering diabaikan, walaupun ia penting dalam membentuk warganegara yang bertanggungjawab. Kajian ini juga memberikan input yang berguna kepada agensi pendidikan untuk mengenal pasti langkah-langkah meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kepakaran guru dalam pendidikan sejarah.

Dengan dapatan yang diperolehi, pihak berwajib dapat merancang strategi yang lebih efektif untuk memperkasakan sistem pendidikan secara keseluruhan, terutama dalam membentuk generasi muda yang bersatu pada, progresif dan mampu bersaing di peringkat global.

1.12 Rumusan

Rumusannya, bahagian ini telah memperincikan tentang aspek-aspek latar belakang kajian, tujuan kajian, persoalan kajian dan juga hipotesis kajian. Selain itu, kerangka konseptual kajian telah dibincangkan diikuti perbincangan metodologi kajian menggunakan kaedah kuasi eksperimen. Modul Pembelajaran Sejarah Abad ke-21 (Neo-21CL) digunakan untuk mengkaji kebolehgunaannya terhadap pengetahuan dan elemen kewarganegaraan berbanding dengan kaedah lazim yang digunakan dalam kalangan murid sekolah rendah Tahun 5.